

MAJLIS PENYERAHAN PESAWAT MALAYSIA AIRLINES (MAS) DAN PEMETERAIAN MEMORANDUM PERJANJIAN

28/04/2014

POLITEKNIK BANTING, SELANGOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
1Malaysia.

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya jua, kita dapat berhimpun bersama-sama dalam Majlis Penyerahan Pesawat Malaysia Airlines System (MAS) dan Penerimaan Memorandum Persefahaman pada petang ini.

2. Pada kesempatan ini saya merakamkan setinggi tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak MAS kerana sudi menjalinkan kerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha mengukuhkan lagi pembangunan modal insan yang berkualiti dan kompeten terutamanya dalam bidang penyenggaraan pesawat (maintenance, repair & overhaul — MRO).

3. Kesudian pihak Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) menyerahkan sebuah pesawat terpakai Boeing 737 kepada Kementerian Pendidikan adalah amat dihargai dan membuktikan melalui jalinan kerjasama yang diwujudkan akan dapat meningkatkan lagi kualiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui makmal latihan dalam Program Penyenggaraan Pesawat di Politeknik KPM.

4. Di samping itu, satu Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding, MoU) akan dimeterai antara Kementerian saya dan pihak MAS.

5. Saya dimaklumkan bahawa usaha ini merupakan kesinambungan kepada kerjasama terdahulu dan setakat ini sejumlah 235 lulusan telah dilahirkan melalui program ini. Terima kasih kepada pihak MAS kerana menunjukkan komitmen yang tinggi sebagai rakan strategik Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha untuk memartabatkan pengajian tinggi agar sentiasa relevan dan berdaya saing.

6. Kerjasama yang diwujudkan antara sektor awam dan swasta amat penting terutamanya dalam bidang pendidikan dan latihan kerana ianya seiring dengan matlamat negara dalam usaha melahirkan modal insan berkualiti.

7. Bagi merealisasikan hasrat ini, tanggungjawab sosial serta komitmen yang tinggi daripada pihak swasta dan industri amatlah penting bagi merapatkan jurang di antara pembelajaran di institusi dengan pengamalan di sektor industri.

8. Saya percaya, kedua-dua sektor ini mempunyai tanggungjawab besar dalam menjayakan hasrat murni ini. Dengan kepakaran serta pengalaman yang dimiliki oleh pihak industri, penglibatan diri secara aktif sangat diperlukan untuk membantu kerajaan mentransformasikan sektor pendidikan dan sekali gus meningkatkan kualiti pendidikan negara.

9. Hasil daripada sumbangan ini, saya pasti akan memberi manfaat kepada pihak industri juga. Sebagai pemacu utama ekonomi negara, pihak industri memerlukan tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi untuk memenuhi keperluan tenaga mahir mereka dalam pelbagai sektor ekonomi.

10. Saya dimaklumkan bahawa selari dengan Majlis ini, 'Seminar on Aviation Science and Technology' juga sedang berlangsung di sini. Syabas kepada pihak penganjur kerana dapat menghimpunkan pakar-pakar dari pelbagai pihak dalam industri penerbangan, institusi-institusi pengajian tinggi, institusi-institusi latihan dan agensi yang berkaitan untuk berkongsi idea serta amalan terbaik masing-masing.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

MENGGALAK PERKEMBANGAN INDUSTRI PENERBANGAN

11. Secara globalnya, industri penerbangan mengalami pertumbuhan yang pesat di Asia-Pasifik, iaitu mencecah 50% dalam tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini yang mana pertumbuhan tersebut dijangka akan terus meningkat sehingga melebihi 200% dalam masa 20 tahun lagi.

12. Trend ini seharusnya dilihat dari segi persediaan prasarana seperti lapangan terbang serta sumber tenaga pakar yang mampu menyokong pertumbuhan industri tersebut. Menurut kajian yang dilaksanakan oleh Official Airline Guide (OAG) Aviation, kapasiti jadual penerbangan global antara bulan Januari dan April telah meningkat sebanyak 4% lebih tinggi pada tahun 2012

berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2011.

13. Dalam era globalisasi dan ekonomi global ini, pihak industri sedar bahawa mereka perlu beroperasi dalam pasaran yang memerlukan pembangunan strategi yang sesuai bagi menangani realiti global ini. Aspek-aspek utama dalam strategi global merangkumi kaedah bagi menangani pasaran global dengan mengambilkira identiti serantau dan nasional.

14. Dengan peningkatan industri penerbangan yang pesat ini, Malaysia berpotensi menjadi hab penerbangan di rantau ini. Industri ini dapat memberi kesan berganda kepada ekonomi memandangkan permintaan terhadap penumpang dan kargo udara semakin meningkat.

15. Bagi tempoh Januari hingga Julai 2013, jumlah penumpang di lapangan terbang seluruh negara bertambah kepada 43.9 juta berbanding 38.6 juta penumpang bagi tempoh yang sama pada 2012.

16. Jumlah kargo udara yang dikendalikan, turut meningkat kepada 529 ributan bagi tempoh yang sama. Dengan beroperasinya KLIA2 nanti, jumlah penumpang dijangka meningkat kepada lebih 70 juta. Untuk menyemarakkan lagi kemajuan industri ini, saya difahamkan bahawa usaha sedang dilakukan untuk menggubal Dasar Penerbangan Nasional yang menggariskan langkah-langkah bagi mengukuh eko-sistem dan rangkaian perkhidmatan industri penerbangan.

17. Antaranya, penambahbaikan sistem pengurusan trafik udara sedia ada dan beberapa lapangan terbang akan dinaiktaraf. Namun demikian, pembangunan

ini tidak akan berjaya sepenuhnya sekiranya ia tidak dilengkapi dengan tenaga kerja yang kompeten.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

PENYEDIAAN MODAL INSAN

18. Kita memang menyedari bahawa untuk mencapai standard peringkat antarabangsa dengan menjana modal insan dalam acuan kita sendiri bukan satu proses yang mudah. Usaha yang gigih dan berterusan sangat diperlukan bagi menghadapi cabaran semasa dan akan datang.

19. Cabaran terbesar bagi negara ini sebenarnya adalah, sejauhmana keupayaan kita membangun dan mempersiapkan modal insan dalam industri ini. Modal insan yang holistik mencakupi antaranya ciri intelek, pelbagai kemahiran seni dan ketukangan, kemahiran berkomunikasi, kemahiran interpersonal, berfikir secara kritis, kreativiti serta inovasi.

20. Pokoknya, pembangunan fizikal dan teknologi perlu diseimbangkan dengan keunggulan manusia. Jika tidak, akan wujud kelompongan dan ketempangan apabila pencapaian material tidak dipaksakan dengan nilai sejagat insani.

21. Namun begitu, ini tidak bermakna kita perlu berhenti dan berputus asa kerana sesungguhnya anak-anak kita layak mendapat yang terbaik. Inilah juga hasrat dan aspirasi kita. Sudah menjadi tanggungjawab yang besar setiap institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia memacu transformasi secara bersepadu agar segala hasrat dan aspirasi yang telah

dibukukan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dapat direalisasikan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

SEKTOR SWASTA / INDUSTRI SEBAGAI RAKAN STRATEGIK

22. Dalam usaha untuk mencapai matlamat sistem pendidikan terbaik di dunia, penting untuk kita membentuk satu ekosistem pengajaran dan pembelajaran yang menghubungkan masyarakat setempat, pihak industri yang berdekatan dan pihak-pihak berkepentingan (stakeholders) yang lain.

23. Merakyatkan pelaksanaan dasar dan program pendidikan bermakna memberikan peluang kepada mereka untuk turut terlibat bersama menyumbang serta menyokong dan berganding bahu merealisasikan agenda yang penting ini.

24. Pasaran tenaga kerja Malaysia menjelang 2020 memerlukan lebih ramai tenaga kerja teknikal dalam bidang-bidang utama ekonomi negara yang berbentuk praktikal (hands-on). Dalam membangunkan modal insan tempatan, kita telah mengambil langkah untuk meningkatkan standard pendidikan kita agar graduan Malaysia setaraf serta berdaya saing di peringkat antarabangsa.

25. Tenaga kerja tempatan yang mahir akan meyakinkan pihak industri dengan adanya pekerja daripada kalangan bakat yang terbaik dengan keupayaan kreatif dan mempunyai pengalaman industri serta pengurusan yang tepat.

26. Dijangka menjelang tahun 2015, negara kita akan memerlukan tenaga mahir dalam bidang penyenggaraan pesawat seramai lebih 10,000 orang. Program diploma penyenggaraan pesawat yang telah dilaksanakan Politeknik sejak tahun 2006 merupakan satu langkah positif kerajaan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja negara dalam bidang ini.

27. Pihak Kementerian akan terus menyokong pemantapan hala tuju bidang sains penerbangan di Politeknik Banting, Selangor ini memandangkan ianya merupakan satu-satunya politeknik yang menawarkan program berkaitan di Malaysia. Walau pun, penawaran bidang ini juga telah diperluas dan dipelbagaikan kepada institusi-institusi penerbangan lain di Malaysia, peranan mereka seharusnya bersifat saling lengkap-melengkapi dan bukan bersaing dalam pengkhususan yang sama.

28. Oleh itu, institusi perlu memberi tumpuan membangunkan program-program mengikut kekuatan masing-masing. Untuk ini, saya ingin menyarankan agar Politeknik Banting Selangor seterusnya berusaha untuk mendapat pengiktirafan sebagai sebuah Approved Training Organisation (ATO) oleh industri penerbangan. Langkah ini akan memastikan politeknik ini akan dapat mengekalkan kualiti lulusannya agar seiring dengan perkembangan di industri.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

29. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak MAS di atas sumbangan pesawat kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dimanfaatkan sepenuhnya dalam proses pengajaran dan

pembelajaran. Saya juga berterima kasih dengan semua pihak di sini yang sama-sama menjayakan seminar yang sedang berlangsung sekarang.

30. Saya juga amat berharap syarikat-syarikat lain juga akan menyahut saranan kerajaan untuk mewujudkan kerjasama strategik antara awam dan swasta dalam pendidikan yang akan memberikan manfaat berganda dalam pembangunan pendidikan di negara kita.

31. Saya difahamkan Politeknik Banting, Selangor ini telah mula beroperasi pada 1 Oktober 2012. Kos pembinaannya melibatkan RM149 juta, dengan keluasan tapak 60 ekar boleh memuatkan 1,200 orang pelajar. Selaras dengan majlis pada hari ini saya dengan lafaz Bismilla hirrahmanirohim merasmikan Politeknik Banting, Selangor .

32. Saya yakin dengan iltizam yang kuat dan kerjasama semua pihak serta niat yang ikhlas, insyaAllah usaha kita akan diberkati seterusnya mencapai cita-cita kita untuk meningkatkan kecemerlangan sistem pendidikan negara.

33. Akhir kata, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warah Matullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.